

# Kompleks Mains bakal dibina

**Sedia pelbagai  
kemudahan di  
bawah satu bumbung**

SYAIRAH ABDUL LAJIS

KUALA PILAH

**K**erajaan negeri bercadang membina sebuah Kompleks Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) sebagai pusat sehenti kepada penduduk di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kompleks tersebut akan dibina di satu kawasan strategik sebagai kemudahan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan.

"Kompleks itu akan menyediakan perkhidmatan di bawah satu

bumbung seperti jabatan agama Islam, baitulmal, dan pusat zakat.

"Kompleks seumpama itu sedang dibina di Jempol serta Jelebu dan pembinaannya sudah hampir siap," katanya.

Beliau berkata demikian di Karnival Kesihatan Sihat dan Seimbang di sini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Norhayati Omar dan Ahli Parlimen, Datuk Seri Hasan Malek.

Karnival ini menawarkan pemeriksaan kesihatan, ujian tekanan darah, klinik mata bergerak dan perkhidmatan pelbagai agensi kerajaan.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan negeri akan menganjurkan lebih banyak karnival kesihatan di seluruh negeri ini bagi memastikan rakyat mendapat kemudahan dan khidmat nasihat berkaitan kesihatan.

**"Kompleks  
seumpamanya  
sedang dibina di  
Jempol serta Jelebu  
dan pembinaannya  
hampir siap." - Mohamad**

"Karnival seperti ini berkonsepkan, penawaran perkhidmatan yang diperkenalkan kerajaan negeri dan ia terbukti memudahkan rakyat terutama golongan tua dan kurang berkemampuan.

"Lebih memudahkan, kita bawa doktor pakar untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di kawasan pedalaman kampung, estet dan kampung baharu.

"Hal ini kerana, kita tahu ramai yang susah untuk berjumpa doktor pakar kerana mereka ini berada di bandar," katanya.



Mohamad (tengah) ketika melawat klinik bergerak bersama tetamu lain sempena Karnival Kesihatan Sihat dan Seimbang.